



**PESERTA** Program Perdana Bermalam Di Muzium mengikuti salah satu aktiviti dalam kumpulan di Muzium Diraja, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

## Singkap tabir profesional muzium

**B**ILANGAN pelajar yang menyertai Program Perdana Bermalam di Muzium bersempena sambutan ambang kemerdekaan anjuran Jabatan Muzium Malaysia terus meningkat tahun ini dengan 2,583 penyertaan melibatkan 35 buah muzium di seluruh negara.

Muzium Diraja Kuala Lumpur adalah salah satu muzium yang menerima 100 pelajar dalam lingkungan usia 13 hingga 17 tahun dari lima buah sekolah sekitar Lembah Klang untuk mengikuti pelbagai aktiviti yang mendedahkan mereka terhadap aspek kenegaraan, sejarah dan budaya.

Pengarah Muzium Diraja, **Siti Fateema Sherzeella Mohd. Yusoff** berkata, program sebegini turut memberi pengetahuan berhubung kerja di sebalik tabir oleh profesional muzium dalam menjaga dan memastikan khazanah sejarah dan budaya sentiasa terpelihara untuk generasi akan datang.

“Keunikan acara di Muzium Diraja pada tahun ini adalah peserta menerusi aktiviti berkumpulan menjalankan simulasi pameran bagi memahami kerjaya sebagai kurator dan hasil mereka dipamerkan sehingga 30 September ini,” katanya.

Selain itu, peserta juga dapat mengenali rakan dari pelbagai keturunan dan belajar untuk menerima

“

Keunikan acara di Muzium Diraja pada tahun ini adalah peserta menerusi aktiviti berkumpulan menjalankan simulasi pameran bagi memahami kerjaya sebagai kurator dan hasil mereka dipamerkan sehingga 30 September ini.”

keadaan harmoni menerusi pengisian acara yang berbeza di setiap muzium seperti terowong masa yang memaparkan perjalanan sebuah negara bernama Malaysia melibatkan artifak dan aktiviti.

Mereka dapat mendalami era kerajaan Melayu lama dengan artifak tengkolok dan pemakaian samping, zaman kolonial diwakili baju wafak dan tugasan membina pengangkutan, perlembagaan Persekutuan menerusi cap mohor serta acuan, diikuti Malaysia Merdeka menerusi bendera 11 jalur dengan permainan *broken flag*.

Dalam pada itu, orang ramai dipelawa berkunjung ke Muzium Diraja dan melihat lebih dekat artifak dari 1957 hingga 2011 sebelum Yang di-Pertuan Agong berpindah ke Istana